

BEKAS-BEKAS PENINGGALAN ISLAM DI SEMENANJUNG SEPANYOL

Catitan ringkas yang kita peturunkan di sini adalah menerangkan serba sedikit kemajuan yang dibawa oleh orang Islam ke Eropah yang telah menjadi asas bagi perkembangan kemajuan dunia zaman sekarang.

Sebelum Islam masuk ke semenanjung Spain, adalah negeri itu telah mengalami berbagai-bagai penjajahan. Hal ini telah ditulis oleh “Sedeillot” (Sedeillot) seorang ahli sejarah Perancis di dalam bukunya “Ringkasan Sejarah Arab”. Ahli tarikh Perancis itu berkata antara lain-lain:


(Oleh Ibnu Batutah)

“Kira-kira dua kurun lamanya sebelum kedatangan Islam ke semenanjung Sepanyol, adalah negeri itu terletak di bawah perintahan kerajaan Visigot (Visigot) yang telah menjalar kekuasaannya hingga ke Morocco di Afrika Utara. Dua kali mereka telah berjaya mengalahkan angkatan pahlawan Islam Musā bin Naṣir di Afrika Utara. Yang akhirnya ialah dalam tahun 91H.” (Tetapi setahun kemudian daripada itu, “Tariq bin Ziyad” panglima Islam yang masyhur telah berjaya menyerang selat yang terkenal sekarang dengan nama nama selat “Gibraltar” dengan 19,000 tenteranya lalu menawan negeri itu – P).

Katanya lagi: “Walaupun kerajaan Sepanyol pada masa itu amat besar kerajaannya tetapi tidak tersusun dengan rapi dan tidak aman damai kerana penduduknya yang berbagai-bagai bangsa itu sentiasa bermusuhan-musuhan di antara satu puak dengan lainnya.

“Malangnya pula kerajaan itu terletak di bawah kuasa gereja yang telah mengenakan berjenis-jenis cukai yang besar jumlahnya. Undang-undang kerajaan itu pula ialah diambil daripada undang-undang Rom dan adat istiadat bangsa Visigot (pecahan Jerman).

Pendeknya kedudukan negeri Sepanyol pada masa itu adalah haru-biru kerana kerajaannya menindas rakyat jelata yang kebanyakannya kaum tani yang miskin. Tindasan itu telah mencabut perasaan kebangsaan dari hati rakyat ramai. Manakala kaum Yahudi yang menderita dengan pahitnya telah menaruh dendam



Istana “Alhambra” di bandar Gharnathah menjadi tumpuan pelawat-pelawat pada hari ini kerana keindahannya. Keindahan pada serba-serbinya: dewannya, bilik-biliknya, tembok-teboknya . . . semuanya penuh dengan ukiran seni yang indah-indah buatannya.

kepada kerajaan yang kejam itu.


Sepanyol Di Bawah Perintah Islam

Kata pentarikh Perancis itu lagi: “Orang-orang Arab yang menduduki negeri Sepanyol telah mengalahkan orang-orang Barat dalam segenap ilmu pengetahuan dan segala jenis pertukangan serta akhlak yang mulia. Mereka telah mendirikan keadilan sama rata sama rasa di antara orang-orang kaya dengan orang-orang miskin. Kemiskinan seseorang tidak menghalangnya daripada mencapai setinggi-tinggi pangkat asakan dia ada kebolehan. Mereka tidak memuliakan seseorang kerana nasab keturunannya, bahkan kerana kebolehan, kebijaksanaan dan ketinggian budi pekertinya. Kerana demikianlah panduan al-Quran yang sentiasa menggalakkan mereka kepada berlumba-lumba mencapai dan mengerjakan segala pekerjaan yang berkebajikan. Demikian pula khalifah-khalifah mereka sentiasa menggalakkan mereka mengerjakan segala yang berfaedah dan meninggalkan perasaan musuh-memusuhi.

“Mereka sangat masyhur dalam ilmu binaan rumah batu, dan biasanya menuliskan nama “Pembangunan” rumah itu di atas binaannya, sehingga mereka telah menjadi contoh tauladan bagi orang-orang Eropah dalam ilmu binaan itu.

“Orang-orang Arab telah mengajar di dalam sekolah-sekolah tinggi mereka (di semenanjung Sepanyol) akan ilmu-ilmu: Falak, geografi, mantiq, perubatan, nahu, geometri, algebra, ilmu bumi, kimia dan al-tarikh al-ṭabi‘ī (ilmu kejadian).

“Di dalam kutubkhanah-kutubkhanah mereka, kedapatan berjenis-jenis kitab-kitab terjemahan daripada ilmu pengetahuan Greek tua dan ahli-ahli falsafah Iskandariah, sehinggakan “Geofrette” yang telah menjawat jawatan “Pope” (Ketua Agung Kristian) pada kurun masih yang kesepuluh, telah belajar beberapa jenis ilmu kepada orang-orang Arab lalu disiarkannya kepada orang-orangnya. Ia telah dituduh sebagai seorang ahli sihir kerana tinggi mutu ilmu-ilmu tersebut.”



Kesenian Islam di tanah Sepanyol masih tegak dengan indahnya walaupun telah mengalami masa yang berkun-kun lamanya.

* * *

Kemajuan Ilmu Pertukangan

Seterusnya tuan “Sedeillot” berkata lagi:

“Dalam ilmu pertukangan maka orang-orang Arab di negeri Sepanyol telah menggunakan segala kepandaian orang-orang yang dahulu-dahulu seperti orang Rom dan orang Pennec (penduduk Suria tua), mereka telah berjaya mengeluarkan berbagai-bagai logam dan raksa. Mereka juga telah mengeluarkan batu-batu delima dari tempat keluarannya berhampiran dengan bandar-bandar Malaga dan Pega de Camaras.

“Mereka telah menyelami laut lalu mengeluarkan daripadanya marjan dan mutiara. Mereka juga telah mengerjakan dengan mahirnya akan perusahaan menenun kain-kain daripada benang-benang kapas, sutera dan bulu serta kulit kayu (Alacant).


Pertukangan mereka seperti membuat pedang dan lain-lain jenis senjata sangat masyhur handalnya dan dengan itu masyhurlah pula beberapa buah bandar di semenanjung Sepanyol kerananya. Sehingga telah terhebat diperkatakan orang (pada zaman itu) bahawa tidak ada yang dapat mengatasi senjata bandar “Thalitalah” (Toledo), tidak ada yang boleh menindih kain-kain sutera buatan bandar “Gharnathah” (Granada), dan tidak ada yang boleh mengalahkan pelana-pelana kuda dan kulit-kulit yang datang dari “Qurtubah” (Cordova). Berkenaan kain bulu pula, sudah tentu tidak dapat dibelakangkan yang datang dari bandar “Qunsiah” (Quenca), manakala bandar Valencia pula terkenal

dengan keluaran gulanya.


“Mereka juga telah mengerjakan perusahaan segala jenis minyak, ubat-ubat celup, ambar, batu belanda (albalur) dan belerang.

“Yang patut disebut dari hal orang Arab di negeri Sepanyol ialah bahawa mereka sangat-sangat mengutamakan pertanian dan mereka telah berjaya membuat tali-tali air yang mengairi tanah-tanah mereka dengan kaedah yang menunjukkan kemahiran mereka di dalam ilmu itu.

“Kemajuan mereka dalam pertanian di negeri itu telah meningkat sehingga mereka dapat mengerjakan tanah-tanah mereka



Masjid besar bandar Qurtubah yang telah dibina dalam kurun yang kedelapan. Masih tersergam dengan indahnya dan sekarang telah dijadikan gereja. Tuan Fikri Abaza seorang pengarang Mesir yang terenal telah menulis setelah ia menyaksikan peninggalan Islam di semenanjung Spain, katanya: “Saya berdiri di hadapan bekas-bekas tua peninggalan Arab dengan khayal kerana tertarik kepada keindahan. Orang Arab telah mempelajari peradaban Rom dan Greek lalu mereka keluar di tengah-tengah masyarakat dunia dengan ilmu baharu, falsafah baharu, kesenian baharu, maka menjadilah mereka “guru” sepanjang masa tujuh kurun di Eropah.”



Atas: Bandar al-Zahra' masih indah seperti peninggalan Islam dahulu. Bawah: Runtuhan bangunan-bangunan tua peninggalan Islam di bandar Thalitah (Toledo).

* * *

tiga kali setahun. Mereka telah membawa masuk ke negeri Sepanyol tanaman-tanaman kapas, tebu, pisang, kurma dan berjenis-jenis pokok-pokok sayuran dan bunga-bungaan yang tidak terkira banyaknya. Dari segala jenis tanaman-tanaman tersebut telah dipindahkan pula ke seluruh Eropah".

Pembangunan Islam Di Sepanyol

Pentarikh Perancis itu menerangkan dengan lebih lanjut:

"Semenanjung Sepanyol dalam masa terletak di bawah pemerintahan

Islam adalah mengandungi delapan puluh buah bandar besar, tiga ratus buah bandar pertengahan dan tidak terkira banyaknya pekan-pekan kecil dan kampung-kampung serta dusun-dusun. Di bandar Qurtubah sahaja mengandungi kira-kira 200,000 buah rumah batu, 60 buah masjid, 50 buah hospital . . . manakala penduduknya berjumlah satu juta. Jika dibandingkan dengan keadaannya pada zaman ini nescaya kita dapat iauh lebih majunya pada zaman pemerintahan Islam dahulunya

(Sambungan muka 25)